

Pembentukan Penunjuk dan Indeks Kualiti Hidup Bagi Mengukur Kesejahteraan Hidup Masyarakat di Pekan Parit Raja, Johor

Haryati Shafii¹ & Nurasyikin Miskam²

**Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
Beg Berkunci 101, 86400 Parit Raja Batu Pahat Johor, Malaysia**

Abstrak

Di Malaysia, proses transformasi sememangnya berkait rapat dengan kesan pembangunan akibat daripada pertumbuhan ekonomi termasuk di pekan kecil. Isu transformasi yang berlaku di pekan kecil pada asasnya telah memberi kesan perubahan pelbagai sudut mencakupi pertumbuhan ekonomi, perkembangan perindustrian, prasarana dan perumahan. Perubahan tersebut sekaligus menyaksikan sebuah pekan kecil menjadi padat dengan kepelbagaian aktiviti ekonomi dan meningkatkan taraf sosioekonomi rakyatnya. Namun demikian, kesan pembangunan terhadap alam sekitar turut terheret di kawasan bandar malahan luar bandar. Secara tidak langsung, keadaan persekitaran yang merosot menjejaskan kualiti kehidupan dan kesejahteraan masyarakatnya. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti perkembangan pembangunan dan persekitaran pekan Parit Raja, mengkaji perubahan sosioekonomi penduduk setempat dan mengkaji keperluan dan kehendak penduduk mengikut ruang dan masa. Kawasan kajian hanya meliputi kawasan Parit Raja iaitu 1.80 peratus daripada keluasan kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dimana skop memberi tumpuan kepada transformasi yang dialami di pekan Parit Raja dari segi perkembangan fizikal, sosial dan ekonomi. Untuk itu, kaedah pemerhatian di lapangan telah dijalankan, kaedah temubual dan pengedaran borang soal selidik. Kajian ini dijangka dapat menilai aras semasa keupayaan pekan kecil ini menerima pembangunan serta mengesan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat setempat. Selain itu juga, kajian ini dijadikan wacana dalam meningkatkan kefahaman terhadap aspek kelestarian dalam proses perbandaran. Malah kajian ini diharapkan berupaya membentuk penunjuk dan indeks kualiti hidup di pekan Parit Raja yang mengambil kira kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat di dalamnya.

PENGENALAN

Malaysia mengalami proses perbandaran yang pesat sejak tahun 1970-an lagi dan malah menjadi negara yang terpesat membangun di Asia Tenggara dalam tahun 1980-an. Pertumbuhan yang pesat ini disebabkan perkembangan sektor ekonomi bandar di bawah dasar dan strategi pembangunan negara selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Namun demikian, tidak semua perbandaran yang wujud akibat pembangunan ekonomi meninggalkan kesan yang positif dalam memenuhi keperluan kualiti kehidupan sosial di sesebuah bandar. Dalam memungkinkan kemajuan yang didokong dengan keuntungan semata-mata, sebuah pembangunan yang tidak mengambil kira aspek kualiti hidup dan persekitaran malah menyimpang jauh daripada garisan sebenar keperluan hidup manusia sebenarnya tidak membawa sebarang erti samada di bandar dan luar bandar.

Melihat kepada Agenda 21, manusia mempunyai hak bagi kehidupan yang sihat dan seharusnya dipenuhi keperluan asas untuk semua aspek disamping dipelihara atau dilindungi intergriti ekosistem. Oleh itu, berpegang kepada prinsip ini maka setiap pembangunan yang dijalankan seharusnya mengambil kira kualiti hidup masyarakat tanpa mengabaikan setiap ruang pada peringkat masa sesuatu pembangunan itu dilakukan. Bermula Rancangan Malaysia Kelapan status kualiti hidup telah mendapat tempat di Malaysia dimana setiap pertumbuhan ekonomi negara perlu disertai dengan peningkatan kualiti hidup seluruh rakyat. Pendekatan ini menjelaskan setiap penilaian kemajuan bukan hanya terarah kepada ekonomi malahan telah memberi tumpuan kepada pembangunan manusia.

Konsep lestari atau mampan selalunya dikaitkan dengan kualiti kehidupan yang merangkumi sistem ekonomi, sosial dan persekitaran bagi menjamin keselesaan hidup dan persekitaran yang sihat dan produktif. Matlamat ini bukan sahaja untuk keperluan generasi masa kini tetapi juga untuk generasi akan datang. Pada asasnya terlalu sukar untuk mengukur kualiti hidup bagi sesebuah komuniti atau bagi seseorang individu itu secara khususnya. Tidak ada satupun kaedah yang dapat merangkumi kepuasan manusia hingga mencapai kualiti hidup yang maksimum. Ada sesetengah pihak yang menggunakan pendekatan Keluaran Negara Kasar (KNK) untuk melihat perkembangan kualiti hidup (Rohana Yusof, 1999). Walaubagaimanapun, Faridatul Azna *et al.*, (2002) menjelaskan wujud kelemahan pada penunjuk seperti KNK dimana ia hanya merujuk kepada kemajuan ekonomi semata-mata.

Ini kerana konsep kualiti hidup melibatkan perubahan dalam masyarakat dan sistem sosial daripada keadaan yang dianggap tidak memuaskan kepada keadaan yang lebih baik. Namun demikian, tahap kualiti hidup tidak dapat diketahui jika tanpa sebarang pengukuran digunakan. Untuk itu, penilaian pembangunan negara tidak harus berdasarkan kepada pertimbangan ekonomi malah perlu merangkumi aspek lain yang lebih mencerminkan perubahan kualiti hidup dan inilah yang telah ditunjukkan dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM). Berbanding dengan kaedah tradisional, IKHM mempunyai kelebihan dari segi mengukur pembangunan pelbagai dimensi. Walaubagaimanapun penggunaan IKHM tetap mempunyai kekangan dari segi perolehan data dan masalah dari segi keselarasan pemilihan indeks, pemilihan penunjuk, penunjuk subjektif, serta ketepatan dan perbandingan.

Di Belanda, Indeks Keadaan Kehidupan telah digunakan untuk memantau tahap kehidupan rakyatnya dari aspek perumahan, kesihatan, aktiviti riadah dan pemilikan barang. Kefahaman terhadap konsep dan pengertian kualiti hidup sosial pastinya berbeza berdasarkan indeks tertentu di sesebuah negara. Namun, walaupun ia mempunyai pelbagai tafsiran dan pengertian yang berbeza tetapi secara asasnya kualiti hidup sosial itu mengikut konteks perbincangan bagi kajian ini merupakan keperluan asas pada tahap minimum yang sepatutnya dimiliki dan dinikmati oleh penghuni sesebuah bandar.

PERTUMBUHAN BANDAR DAN KUALITI HIDUP MASYARAKAT: ISU DAN CABARAN

Pertumbuhan bandar itu lazimnya bermula dengan penambahan jumlah penduduk merangkumi kadar fertiliti, mortaliti, kesuburan dan migrasi masuk penduduk yang menentukan saiz kependudukan dan komposisi umur. Malah Wan Rozali (2002) menjelaskan konsep pertumbuhan bandar dan urbanisasi merujuk pada bilangan penduduk. Penduduk yang semakin meningkat ini akhirnya akan mewujudkan keperluan dalam bilangan pekerjaan, kediaman, sekolah dan juga pelbagai kemudahan. Tersirat dengan keadaan ini adalah perkembangan sosioekonomi dan ketersampaian masyarakat dengan akses kemudahan. Ini memberi gambaran kepada peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan. Pertumbuhan bandar yang ideal adalah melestarikan perkembangan bandar dan hasilnya meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Dalam pengertian yang mudah, perkembangan bandar melalui pertumbuhan ekonomi bererti suatu kebaikan yang membawa kepada kualiti kehidupan yang lebih baik kepada individu dan masyarakat.

Perubahan dari aspek pertumbuhan bandar untuk kemajuan sosioekonomi sebenarnya telah memaksa kepada perubahan yang lebih besar kepada persekitaran. Jika diteliti pada hari ini, di antara kemajuan sosioekonomi dengan kesejahteraan persekitaran seringkali kesejahteraan itu dibatasi akibat mengejar kemajuan. Persoalan perubahan persekitaran yang mengancam kesejahteraan sepatutnya dilakukan penelitian secara mendalam. Impak pembangunn dari segi kualiti hidup sering dikaitkan dengan faktor persekitaran kehidupan. Seperti yang diketahui, pembangunan lestari mendasari sebarang usaha pembangunan yang dijalankan di mana-mana negara mundur, sedang membangun atau yang maju. Namun demikian, terselit kesamaran implementasi konsep tersebut apabila melihat pembangunan banyak diijalankan tanpa menghiraukan kesejahteraan sejagat. Perkara yang jelas di sini apabila segala perubahan kemajuan yang sepatutnya dibanggakan hanya menjurus kepada 'bencana' yang tidak diduga.

Apa yang dilihat pada hari ini khususnya di Malaysia, pembangunan ekonomi telah memberi kesan kepada alam sekitar kerana setiap perancangan pembangunan itu melibatkan penggunaan alam sekitar seperti air, gunatanah, kawasan hutan dan kawasan tanah tinggi. Dalam hal ini manusia merupakan agen yang menyebabkan kemerosotan kualiti persekitaran. Terdapat banyak isu yang melibatkan kemerosotan kualiti alam sekitar termasuklah pembinaan bangunan baru, gunatanah semula dari kawasan pertanian kepada perindustrian serta pembuangan sisa yang menjurus kepada masalah pencemaran air. Selain daripada itu, hasil dari pertambahan penduduk secara langsung berlaku peningkatan sampah sarap. Tanpa pengurusan bersepadu akan memberi impak kepada persekitaran kerana sampah berterabur di merata tempat.

Kesan-kesan lain yang pasti timbul akibat impak pembangunan adalah seperti banjir kilat, hakisan, jerebu, pemanasan bumi, hujan asid dan kemerosotan tahap kualiti air. Dalam mengatasi masalah ini, pengawalan dan pencegahan perlu dilakukan. Selain itu, pembangunan kualiti hidup seharusnya dilakukan dengan pengurusan yang bersepadu dan lebih cekap. Penggunaan penunjuk dan indeks yang boleh mengambilkira perubahan yaang berlaku dalam proses pembangunan pelbagai dimensi ini adalah perlu. Kerana itu, pembangunan bukanlah sekadar mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi, tetapi juga mewujudkan persekitaran yang dapat menjamin kesejahteraan masyarakatnya.

KUALITI HIDUP KE ARAH PEMBANGUNAN LESTARI

Berasaskan Laporan Brundtland 1987, pembangunan lestari didefinisikan sebagai pembangunan yang memenuhi kehendak dan keperluan generasi masa sekarang tanpa mengorbankan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka. Fokus pembangunan dalam konsep pembangunan lestari ini menekankan kepada kepentingan peningkatan kualiti yang lebih baik kepada manusia, muka bumi dan kehidupan lain. Agenda 21 merupakan program yang berkesan untuk tindakan dalam mengaplikasikan pembangunan lestari di seluruh dunia. Ianya melakukan perubahan, dengan wawasan dalam mengurus ekosistem untuk masa depan yang lebih baik dan taraf hidup manusia yang meningkat untuk manusia melalui perkongsian global pembangunan lestari (Haryati Shafii *et al.*, 2003). Agenda tersebut juga telah mensasarkan pencapaian pembangunan lestari dengan mengimbangi dimensi ekonomi, sosial dan alam sekitar. Ketiga-tiga dimensi ini adalah penting untuk kestabilan ekonomi, perhubungan persekitaran dan perkembangan sosial. Disamping itu, Agenda 21 juga merupakan asas yang mendasari pembentukan kualiti hidup di bandar kerana ia merupakan tindakan yang seharusnya dilaksanakan oleh setiap negara di peringkat kebangsaan malah antarabangsa mengenai alam sekitar dan pembangunan.

Malah definisi bandaraya lestari, menurut rumusan Persidangan URBAN21 di Berlin adalah merujuk kepada gagasan untuk meningkatkan kualiti hidup bandar, merangkumi komponen ekologi, budaya, politik, institusi, sosial dan ekonomi tanpa membebankan generasi akan datang. Pendekatan ini melihat kualiti sebagai sesuatu yang memberi kebaikan dalam ciri pembangunan dan memberi implikasi kesan positif terhadap kelangsungan kualiti hidup masyarakat setempat. Harapan ini menjelaskan supaya kelestarian akan mampu meningkatkan kualiti kehidupan tanpa mengabaikan kepentingan masyarakat. Berdasarkan kepada kualiti hidup ini, kelestarian pembangunan bandar bukan lagi dilihat melalui kemajuan ekonomi semata-mata ataupun peningkatan akses kemudahan di bandar. Apa yang lebih diutamakan adalah kesejahteraan individu yang membentuk masyarakat untuk menerimanya.

Terdapat pelbagai program Agenda 21 yang menerapkan pembangunan lestari sebagai prinsip asas. Salah satunya adalah 'Meningkatkan Kualiti Hidup' yang meletakkan pembangunan lestari sebagai strategi dalam menangani isu alam sekitar dari terus berlarutan. Namun begitu, biarpun sebanyak mana program dilaksanakan jika idea pembangunan lestari tidak difahami ianya tidak mampu mengubah dimensi kehidupan dalam memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan generasi akan datang. Bagi membangunkan bandar yang lestari yang mempunyai kualiti hidup yang baik, Zainuddin (1999) dalam Mohd Yussof & Lukman (2002) berpendapat ciri-ciri pembangunan fizikalnya perlu meliputi:-

- a. Persekitaran fizikal yang bersih dan selamat
- b. Menemukan keperluan manusia dengan pembangunan
- c. Taman dan kawasan lapang
- d. Kawasan hiburan
- e. Teknologi pengangkutan dan komunikasi
- f. Kesihatan mental dan fizikal
- g. Kesihatan komuniti
- h. Struktur kejaranan

Oleh itu, ianya bergantung kepada ketegasan yang harus dilakukan oleh manusia sendiri dalam memelihara dan mengekalkan pembangunan supaya hubungan manusia dengan alam dan manusia dengan pembangunan dalam keadaan yang sejahtera.

KONSEP PEMBENTUKAN PENUNJUK DAN INDEKS KUALITI HIDUP

Membentuk pembangunan mampan sesebuah bandar memerlukan penelitian terhadap persekitaran fizikal dan budaya bandar tersebut. Justeru, persekitaran bandar dibentuk sebagai penunjuk ukuran penting dalam menilai status kualiti hidup di kawasan bandar. Kualiti hidup sosial penduduk sememangnya merupakan indikator terpenting dalam kemajuan dan peradaban sesebuah negara bertamadun. Keadaan ini telah digambarkan oleh Kualiti Hidup Malaysia (1999) yang mendefinisikan kualiti hidup sebagai, '*kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, akses dan kebebasan memperolehi pengetahuan serta taraf kehidupan yang melebihi keperluan asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang setanding dengan aspirasi negara*'.

Pertumbuhan bandar dan kualiti hidup sosial berfungsi secara timbal balik yang melibatkan elemen kemanusiaan dan bukan manusia bagi menggerakkan pembangunan sosioekonomi yang lebih pesat di sektor perindustrian, perusahaan, perdagangan, perniagaan, perkhidmatan, perlancongan, pembukaan bandar baru dan lain-lain lagi (Myrdal, 1963). Oleh itu, adaptasi penilaian kualiti hidup kepada kehendak persekitaran setempat dalam ruang pembangunan seharusnya mengambil kira kesejahteraan sosial semaksimum yang boleh.

Definisi dan Penunjuk Kualiti Hidup

Persoalan tentang kualiti hidup di Malaysia khususnya dan negara yang sedang membangun secara umumnya semakin menjadi tumpuan. Kebanyakan kajian awal telah dilakukan di negara maju di barat. Daripada kajian-kajian tersebut, mereka berpendapat penunjuk merupakan ukuran penting dalam menilai status kualiti hidup di kawasan bandar.

Kata penunjuk itu sendiri telah memberi makna menunjukkan amaran, panduan, isyarat atau kesan (Paola Jirón & Giulietta Fadda, 1999). Istilah ini pada umumnya berasal dari perkataan Latin iaitu *indicare* yang membawa maksud mendedahkan atau menunjuk arah, memberitahu secara umum atau menilai (Ahmad Hezri, 2002). Malah penunjuk merupakan alat pengukuran yang boleh digunakan dengan berkesan untuk membolehkan pihak berkepentingan menilai pencapaian komuniti tertentu. Menurut Norizan Md Noor (2000), penunjuk mampu menerangkan pencapaian di dalam komuniti samada maju ke hadapan atau mundur, bertambah atau berkurang, bertambah baik atau merosot atau kekal sedia kala berasaskan kepada nilai tahun tertentu. Oleh itu, ia menjadikan penunjuk sebagai satu alat yang penting dalam menganalisis keputusan, hasil dan kesan dalam mendasari sebarang program. Sebagai contoh, penggunaan penunjuk telah digunakan dalam pemantauan dasar secara sektoral dan mempunyai sejarah yang lama seperti penunjuk sosial seperti kadar pekerjaan, kemiskinan, jenayah dan penunjuk ekonomi seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang telah lama digunakan walaupun tidak menyeluruh.

Pada umumnya terdapat dua jenis penunjuk dalam menentukan kualiti hidup iaitu penunjuk objektif dan subjektif. Penunjuk objektif menerangkan mengenai keadaan alam sekitar dimana penduduk tinggal, melibatkan isu berhubung dengan kemudahan dan perumahan. Dengan kata lain, ianya biasanya berasaskan kepada data-data statistik yang terkumpul. Pendapat yang dikemukakan oleh Azahan Awang *et al.*, (2008) penunjuk yang objektif lebih melibatkan data yang unggul dan lebih mudah, ringkas dan padat serta sukar dinafikan. Manakala penunjuk subjektif pula menerangkan mengenai pandangan atau penilaian seseorang mengenai hidupnya. Penghasilan penunjuk ini memerlukan data-data subjektif yang diperolehi daripada penjelasan keadaan objektif yang dialami oleh seseorang. Malah, kesejahteraan hidup

adalah merupakan kualiti hidup subjektif kerana kesejahteraan itu adalah kemuncak kepada kepuasan dan kebaikan manusia (Norizan, 2003 dlm Mohd Shaladdin *et al.*,2006).

Suatu hal yang jelas di sini menunjukkan, kualiti hidup bukan sahaja merangkumi pembangunan ekonomi tetapi ianya turut meliputi aspek sosial, psikologi, kebudayaan dan alam sekitar. Seseengah pengkaji seperti Henderson (1996), Eckersley (1999) dan Blair (1998) tidak menyokong sekiranya pengukuran kemajuan penduduk menerusi aspek ekonomi sahaja kerana proses kehidupan itu sendiri mencakupi banyak aspek kualiti hidup yang lain. Malah Asmah (2000) dalam kajian beliau turut menjelaskan bahawa komponen kesejahteraan sosial meliputi semua aspek penting dalam kehidupan manusia yang terdiri daripada pemakanan, perlindungan, kesihatan, pendidikan, keselamatan, kestabilan sosial, rekreasi, persekitaran fizikal dan lebihan pendapat. Ini kerana, peningkatan dalam setiap aspek tersebut akan menunjukkan tahap kualiti hidup masyarakat bertambah baik. Oleh yang demikian, perkara penting dalam mengkaji kualiti hidup ialah menentukan faktor yang mempengaruhi atau penunjuk kualiti hidup.

Perkara-perkara yang biasanya ditekankan oleh kebanyakan pengkaji dalam menilai kualiti hidup ialah mendapat makanan, sihat, mempunyai kediaman yang baik, kepuasan dengan pekerjaan, mempunyai masa untuk melakukan riadah dan juga selamat dari sebarang ancaman (Moser, 1970). Dalam kajian yang dibuat oleh Liu (1976) terhadap masyarakat metropolitan di Amerika Syarikat telah menyenaraikan bahawa pengukuran kualiti hidup merangkumi lima komponen utama iaitu ekonomi, politik, persekitaran, sosial dan kesihatan dan pendidikan. Manakala bagi Boyer & Savageau (1981) telah menegaskan bahawa aspek penting dalam kualiti hidup merangkumi sembilan komponen utama iaitu keadaan persekitaran, kesihatan, perumahan, jenayah, pengangkutan, rekreasi, kesenian, ekonomi dan pendidikan. Namun demikian, berbeza dengan pendekatan yang digunakan dalam Hirarki Maslow dalam mengukur kualiti hidup seseorang. Menurut Hirarki Maslow (1962), seseorang perlu mencapai atau memenuhi keperluan yang terbawah terlebih dahulu untuk membolehkannya terus hidup iaitu merujuk kepada keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal sebelum memenuhi keperluan yang lebih tinggi. Sekiranya seseorang individu ini tidak mampu memenuhi keperluan asas ini, bermakna hidupnya tidak berkualiti.

Berpegang kepada prinsip ini, kualiti hidup yang tinggi amat penting dalam sesuatu negara kerana ianya merupakan antara pengukur yang efektif dalam menilai tahap kemajuan sesebuah komuniti. Kualiti hidup juga adalah penentu yang penting dalam menggambarkan bahawa penduduk sesebuah negara itu sedang menikmati taraf kehidupan yang selesa. Walaupun terdapat pelbagai aspek yang dijadikan pendekatan dan penilaian dalam mengukur kualiti hidup, secara keseluruhannya tingkat kualiti hidup yang sempurna ialah membawa kesejahteraan hidup. Dalam kajian ini, penunjuk digunakan sebagai ukuran kesejahteraan hidup masyarakatnya yang mana pemilihannya adalah berasaskan kepada persekitaran bandar akibat pembangunan ekonomi.

Indeks Kualiti Hidup di Malaysia

Kemajuan sesebuah negara boleh diukur berdasarkan kualiti hidup rakyatnya yang bertambah baik secara berterusan. Penilaian terhadap pembangunan sesebuah negara tidak harus ditumpukan semata-mata kepada pertimbangan ekonomi, malah perlu merangkumi aspek lain yang lebih mencerminkan perubahan kualiti hidup rakyatnya. Oleh itu, Malaysia telah mewujudkan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) yang mana pendekatan yang lebih kuantitatif digunakan dalam menilai kualiti hidup. Namun demikian, Azemi (2006) dalam kajiannya menyatakan bahawa sebelum IKHM diwujudkan, terdapat beberapa indeks bagi memantau tahap pembangunan manusia. Salah satunya ialah Indeks Komposit Pembangunan Manusia (IKPM) yang menggabungkan 15 penunjuk pembangunan sosioekonomi negara.

Bagaimanapun, penunjuk sosioekonomi IKPM adalah kurang menyeluruh. Sehingga satu lagi indeks diwujudkan iaitu IKHM yang pertama kali dikira dalam tahun 1999 apabila Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999 merupakan laporan pertama yang menggunakan indeks komposit untuk menilai kualiti hidup Malaysia. Berdasarkan laporan Kualiti Hidup Malaysia (1999), kualiti hidup didefinisikan sebagai merangkumi kemajuan diri, cara hidup yang sihat, akses dan kebebasan untuk mencapai pengetahuan, taraf kehidupan yang melebihi keperluan asas dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang setanding dengan aspirasi negara. Apabila sesebuah masyarakat beralih kepada suasana kehidupan yang pada amnya lebih baik, maka kualiti hidupnya dianggap telah meningkat (Unit Perancang Ekonomi, 1999). IKHM merupakan satu pengukuran komposit berdasarkan sepuluh bidang iaitu:-

- Pendapatan dan Pengagihan
- Persekitaran Kerja
- Pengangkutan dan Komunikasi
- Kesihatan
- Pendidikan
- Perumahan
- Alam Sekitar
- Kehidupan Keluarga
- Penyertaan Sosial
- Keselamatan Awam

Bidang ini dianggap sama penting untuk kesejahteraan dan kualiti hidup penduduk. Sebanyak 38 penunjuk telah digunakan dalam pengiraan indeks tersebut yang mana jelas membuktikan penunjuk berkenaan dipilih untuk menyediakan satu ukuran agregat mengenai kualiti hidup negara ini bagi menilai kesan pembangunan ekonomi ke atas penduduk. Menurut Haryati Shafii (2010), pengukuran IKHM telah mengambilkira berbagai dimensi pembangunan, yang mana setiap kelemahan yang sering dilakukan hanya merujuk kepada satu atau beberapa penunjuk pembangunan seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Dalam sistem perkiraan IKHM ini, semua penunjuk akan diberi tanda positif ataupun negatif. Penunjuk yang dipilih untuk setiap komponen adalah berasaskan sejauh mana ianya dapat menggambarkan sesuatu komponen berkenaan dan sejauh mana terdapatnya data siri masa.

Jika dilihat kepada Laporan Kualiti Hidup 1999, IKHM telah dibentuk dengan mengambil data yang meliputi tempoh 1980 hingga 1998 dengan menjadikan tahun 1990 sebagai tahun asas. Jelas menunjukkan bagi tempoh tersebut pada keseluruhannya kualiti hidup rakyat Malaysia bertambah baik dengan peningkatan IKHM yang memberansangkan daripada 86.2 mata pada tahun 1980 kepada 105.7 mata pada tahun 1998. Dalam konteks peningkatan ini, faktor yang menjadi penyumbang utama adalah disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang pesat sekaligus telah menjana peningkatan kepada dimensi pembangunan yang lain meliputi pendapatan dan pengagihan, pendidikan, kehidupan keluarga, kesihatan, pengangkutan dan komunikasi, penyertaan sosial, perumahan dan persekitaran kerja seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Perubahan mengikut Indeks Bidang dan Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 1980 & 1998

Indeks	1980	1998	Perubahan (%)
Pendapatan & Pengagihan	77.39	105.82	36.7
Persekitaran Kerja	106.13	118.94	12.1
Pengangkutan & Komunikasi	87.36	87.36	112.78
Kesihatan	83.24	109.58	31.6
Pendidikan	85.97	117.31	36.5
Perumahan	90.52	90.52	107.72
Alam Sekitar	103.86	100.94	-2.8
Kehidupan Keluarga	85.46	113.86	33.2
Penyertaan Sosial	81.55	97.98	20.1
Keselamatan Awaml	78.40	72.11	-8.0
IKHM	86.22	105.71	22.6

(Sumber: Unit Perancangan Ekonomi, 1999)

Merujuk kepada Jadual 1, secara keseluruhannya bagi semua bidang yang dikaji telah menunjukkan peningkatan kecuali bidang alam sekitar dan keselamatan sosial. Ditinjau daripada perspektif kemajuan, peningkatan ini berpunca daripada konsep pembangunan menyeluruh yang meliputi aspek peningkatan dalam taraf dan kualiti hidup dari segi ekonomi, politik dan keseluruhannya. Namun demikian, merujuk kepada laporan IKHM tersebut, kualiti alam sekitar dan keselamatan awam telah menunjukkan kemerosotan. Jumlah penyusutan kemerosotan bagi alam sekitar adalah sebanyak 2.8% iaitu daripada 103.86 mata pada tahun 1989 kepada 100.94 mata pada tahun 1990. Manakala bagi aspek keselamatan sosial telah menunjukkan penyusutan sebanyak 8.0% iaitu daripada 78.40 mata pada tahun 1989 kepada 72.11 mata pada tahun 1990. Dalam membicarakan penyusutan kualiti alam sekitar ini, pembangunan ekonomi yang pesat biasanya akan ditimbal balik dengan kesan kepada persekitaran. Antaranya pembuangan bahan sisa toksik ke sungai, pelepasan asap dari industri, pembakaran hutan terbuka menyebabkan jerebu dan pelbagai lagi. Melihat kepada penyusutan peratus indeks keselamatan awam pula, sebilangan besarnya disebabkan oleh peningkatan dalam kemalangan jalan raya.

Oleh itu, jelas disini IKHM telah banyak membantu dalam memantau dengan lebih baik kesan pembangunan ke atas kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Bagi tujuan ini, kualiti hidup yang sentiasa meningkat adalah penting supaya generasi semasa dan yang akan datang mendapat manfaat daripadanya. Walaubagaimanapun, ianya tidak boleh dicapai tanpa pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, gambaran tersebut menunjukkan bahawa pembangunan yang menjadi idaman negara tidak sepenuhnya mampu meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Pembangunan ekonomi tanpa mengambil kira persoalan alam sekitar dan mengeksploitasi sumber alam tanpa batasan merupakan 'tiket' yang menyebabkan perubahan dan pencemaran alam sekitar.

KUALITI HIDUP MASYARAKAT PEKAN PARIT RAJA

Kualiti hidup masyarakat di sesuatu bandar seringkali dikaitkan dengan faktor persekitaran. Ini kerana kehidupan di sesuatu bandar itu lebih terdedah kepada risiko impak pembangunan yang negatif berbanding di kawasan luar bandar. Malahan menurut Mohd Yusof & Lukman (2002), bandar merupakan pusat tamadun manusia yang memerlukan pemantauan tahap kualiti hidup yang berterusan kerana impak pembangunan di bandar berubah-ubah mengikut masa. Bagaimanapun, akibat transformasi dan globalisasi semakin meningkat dewasa ini yang dijana oleh pelaburan luar turut menerobos ke kawasan luar bandar atau pekan kecil. Sehubungan dengan itu, penyelarasan dalam meningkatkan pemantauan tahap kualiti hidup bagi setiap pembangunan bukan hanya tertakluk di kawasan bandar sahaja..

Di Parit Raja, status kualiti hidup masyarakatnya adalah mengambil kira kesediaan diri terhadap pembangunan, hubungan dengan kawasan persekitaran dan peluang ketersampaian kemudahan asas yang disediakan. Dengan demikian, kualiti hidup merangkumi bukan sahaja pembangunan ekonomi malahan juga melibatkan pelbagai aspek tertentu yang tidak dapat dipisahkan seperti aspek sosial, psikologi, kebudayaan, politik dan alam sekitar. Namun begitu, aspek yang paling utama dalam memberi kehidupan yang kepada manusia secara khasnya mengandungi empat perkara iaitu politik, ekonomi, sosial dan pendidikan (Szalai & Andrews, 1980).

Justeru itu, status kualiti hidup bukan hanya berdasarkan kepada struktur yang ada di Pekan Parit Raja semata-mata tetapi merangkumi penerimaan masyarakat itu sendiri terhadap perkembangan persekitarannya. Pembentukannya adalah berdasarkan kepada sepuluh penunjuk kualiti hidup di dalam komponen IKHM. Malahan, penunjuk ini akan lebih bermakna jika proses penyediaannya dibuat berdasarkan rujukan daripada masyarakat yang memberi takrifan kualiti hidup dalam konteks mereka sendiri mengikut peredaran ruang dan masa. Disamping itu, penggunaan indeks kualiti hidup tidak sepatutnya dihadkan kepada asas pembentukan polisi pembangunan ekonomi sesuatu kawasan atau negeri kerana lebih sesuai diperluaskan ke peringkat daerah atau ruang kawasan yang lebih kecil (Blair, 1998).

Penunjuk Bagi Mengukur Kesejahteraan Hidup

Pembangunan lestari dan keperluan kualiti hidup terangkum dalam satu acuan yang sama yang berpaksikan kepada kesejahteraan sosial. Walaupun penelitian dilakukan terhadap kedua-dua konsep tersebut, tiada perbezaan ketara yang dapat ditunjukkan dari segi matlamat akhir yang ingin dicapai kerana ianya umpama cerminan antara satu sama lain. Aktiviti pembangunan yang dijalankan oleh manusia tanpa mengambil kira kesannya terhadap alam sekitar akan menyebabkan kemerosotan terhadap kualiti alam sekitar dan akan memberi kesan terhadap kesejahteraan dan keharmonian penduduk setempat. Oleh itu, untuk memperolehi tahap kualiti hidup yang sempurna setiap pembangunan perlu mengambil kira kepentingan hidup manusia. Bagi memastikan setiap pembangunan tersebut memberi kesan yang seimbang maka ianya perlu mencakupi persepadaan elemen ekonomi, sosial dan fizikal secara serentak. Elemen-elemen ini merupakan entiti yang penting untuk kesejahteraan hidup masyarakat.

Seperti konsep kualiti hidup, pengukuran kesejahteraan hidup turut boleh dikelaskan kepada objektif yang menggunakan angkaubah seperti pendapatan dan perbelanjaan. Manakala pengukuran kesejahteraan secara subjektif menggunakan angkaubah seperti kepuasan dan kegembiraan (Michalos, 1983). Penunjuk dan indeks kualiti hidup bagi mengukur kesejahteraan hidup penghuni di bandar menurut Haryati Shafii *et al.*,(2003) adalah merangkumi aspek fizikal

seperti pencemaran air, sampah sarap, hingar dan udara. Bagi aspek sosioekonomi adalah mencakupi penunjuk kependudukan, ekonomi, keselesaan, kesihatan dan pendidikan.

Dalam kajian ini akan mengaplikasikan ubahsuai dari penunjuk sedia ada di Malaysia yang telah dikemukakan oleh Unit Perancang Ekonomi. Oleh itu, asas bidang yang terpilih sebagai penunjuk kesejahteraan meliputi aspek fizikal, sosial dan ekonomi. Antara komponen yang dipilih adalah kesihatan, pendidikan, alam sekitar, keselamatan, pendapatan dan pengagihan serta perumahan dan faktor pemilihan adalah kerana ianya saling berkaitan dalam mempengaruhi status kualiti hidup masyarakat di Parit Raja seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Senarai penunjuk dan indeks bagi mengukur kesejahteraan hidup masyarakat di Pekan Parit Raja.

Indeks penunjuk	Sub-Indeks penunjuk
Pendapatan & Pengagihan	<ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan per kapita sebenar • Pengagihan pendapatan • Kadar kemiskinan
Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Jangka hayat semasa lahir (lelaki) • Jangka hayat semasa lahir (perempuan) • Kadar kematian bayi • Nisbah doktor-penduduk • Nisbah katil hospital-penduduk
Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar penyertaan pra-sekolah • Kadar penyertaan sekolah menengah • Kadar penyertaan universiti • Kadar celik huruf • Nisbah guru -pelajar sekolah rendah dan menengah
Perumahan	<ul style="list-style-type: none"> • Purata harga rumah • Unit rumah kos rendah • Unit rumah dengan bekalan air paip • Unit rumah dengan bekalan elektrik
Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Pencemaran air, udara, sampah dan bunyi • Banjir • Perubahan suhu / kelembapan
Keselamatan Awam	<ul style="list-style-type: none"> • Jenayah • Kemalangan jalan raya

(Sumber: Diolah berasaskan Indeks Kualiti Hidup Malaysia)

Merujuk kepada bidang yang telah dipilih, pemilihan penunjuk dan indeks bagi mengukur kesejahteraan masyarakat di Parit Raja adalah melihat kepada gambaran keadaan persekitaran mengenai situasi kawasan kajian. Menerusi penunjuk ini, dimensi kesejahteraan masyarakat hasil pembangunan ekonomi mampu diukur. Pada realitinya, senario penghasilan indeks kualiti hidup ini mempunyai kelemahan dari segi pemilihan penunjuk, penunjuk subjektif, serta ketepatan dan perbandingan. Walaubagaimanapun menurut Abdul Manaf *et al.*, (2002) kekangan ini mampu diatasi dengan penyediaan indeks kualiti hidup yang memerlukan sistem pengurusan maklumat yang bersepadu dengan membentuk pangkalan data yang mampu menempatkan pelbagai maklumat.

KESIMPULAN

Agenda 21 meletakkan kualiti hidup sebahagian daripada hasrat pembangunan lestari yang perlu dicapai. Pembangunan lestari merupakan satu misi yang dibentuk untuk mensejahterakan kehidupan masyarakat di bandar. Dalam melihat kepada konteks bandar itu sendiri, konsep pembangunan lestari dengan konsep kualiti hidup didapati menjurus kepada matlamat, kesan dan peranan yang hampir sama. Dalam tempoh dua dasawarsa ini, pembangunan ekonomi berdepan dengan cabaran yang besar dalam membantu masyarakat memiliki hidup yang berkualiti samada di bandar atau di luar bandar. Ini kerana peningkatan kualiti hidup masyarakat secara langsung menjadikan proses pembangunan bandar lebih lestari dan sejahtera. Oleh sebab itu, pembentukan penunjuk dan indeks kualiti hidup adalah satu perkara yang penting sebagai pengukur kerana peningkatan kualiti hidup secara berterusan dalam sesuatu tempoh akan menghasilkan pencapaian ekonomi yang kukuh, suasana politik yang stabil, kepimpinan berkesan, keamanan dan perpaduan dikalangan rakyat yang kesemua rumpun dalam menghidupkan hidup yang sejahtera.

RUJUKAN

- Ahmad Hezri Adnan. 2002. Sustainable development indicator for the state of Selangor. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Azahan Awang, Abdul Hadi Harman Shah & Kadaruddin Aiyub (2008). Penilaian Makna Kualiti Hidup dan Aplikasinya dalam Bidang Pengurusan Persekitaran di Malaysia. *Malaysian Journal of Environmental Management*. 45-68
- Azemi Che Hamid (2006). Persepsi Kualiti Hidup: Satu Tinjauan Ke Atas Penduduk Bandar Seri Kertih, Kemaman, Terengganu dalam Norhaslina Hassan 2006. *Dinamika Masyarakat Bandar Malaysia: Ke Arah Kualiti Hidup Mapan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Blair, P.J., (1998). Quality of Life and Economic Development Policy. *Economic Development Review* 16 (1), 50-54.
- Boyer, R. & Svageau, D. (1981). *Places Rated Almanac*. Chicago: Rand McNally.
- Eckersly, R. (1999). Is Life Getting Better?. *The Futurist* 33, 23-24.
- Faridatul Azna (2002). Indeks Kualiti Hidup Penduduk Daerah-Daerah di Semenanjung Malaysia dalam Lukman Z Mohamad, Abdul Aziz Jemain, Mohd. Yusof Hussain & Faridatul Azna A. Shahabuddin (2002). *Impak Pembangunan Kualiti Hidup dan Persekitaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distribution Sdn. Bhd.
- Haryati Shafii, Jamaluddin Md. Jahi & Abdul Latiff Mohamed (2003). Kualiti Hidup Di Bandar: Indeks dan Penunjuk Bagi Mengukur Kesejahteraan Hidup. *Prosiding Seminar Kabangsaan Pengurusan Persekitaran 2003*, 629-636. Bangi: Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia

- Haryati Shafii (2010). *Tempat Tinggal dan Kualiti Hidup Masyarakat Di Bandar. Batu Pahat: Penerbit UTHM.*
- Herdenson, H. (1996). What's Next in the Great Debate About Measuring Wealth and Progress?. *Challenge* 11,50-56
- Liu, Ben-Chieh (1976). *Quality of Life Indicators in U.S Metropolitan Areas: A Statistical Analysis.* New York: Praeger Publishers.
- Maslow, A. (1962). *Toward a Psychology of Being.* New York: Van Nostrand
- Mohd Shaladin Muda, Nik Wan Omar & Wan Abdul Aziz Mohd Amin (2006). Analisis Kesejahteraan Hidup Nelayan Pesisir. *Jurnal Kemanusiaan*, Bil. 8, 59 -78. Dicapai pada September 29,2010 dari http://www.fppsm.utm.my/download/doc_view/61-analisis-kesejahteraan-hidup-nelayan-pesisir.html
- Mohd Yusof Hussain & Lukman Z. Mohamad (2002). *Pembangunan Bandar Mapan dan Kualiti Hidup Masyarakat: Penelitian Sepintas Lalu.* Dalam *Impak Pembangunan Kualiti Hidup dan Persekitaran.* Disunting oleh Lukman Z. Muhamad, Abdul Aziz Jemain, Mohamad Yusof Hussain & Faridatul Azna A. Shahabuddin. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur.
- Mohmadisa Hashim & Mohamad Shuhaily Che Hussain (2005). *Pembangunan dan Alam Sekitar Di Malaysia.* Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris: Tanjung Malim.
- Michalos, A. C. (1983). Satisfaction and Happiness in Rural Northern Resource Community. *Social Indicators Research* 13, 225-252.
- Moser, C. (1970). *Measuring the Quality of Life.* New Society.
- Myrdal, G. (1963). *Economic Theory and Development Region.* London: Oxford University Press.
- Norizan Md. Nor (2000). Petunjuk bandar sebagai alat penerapan konsep mapan dalam pengurusan dan pembangunan bandar di Malaysia. *Prosiding National Seminar: Enviromental Managemant Issues and Challenges in Malaysia.*
- Rohana Yusof. (1999). Suatu Penelitian Teoretikal Dari Perspektif Sosial Terhadap Pengertian Konsep Kualiti Hidup (Quality Of Life). *Jurnal Pembangunan Sosial*, 1 (Jan.),103-119.
- Paola Jirón & Giulietta Fadda (1999). The Process of Formulating Quality of Life Indicators Using a Gender Perspective. The Need for "Gendered" Indicators in Urban Policy, Programme and Project Analysis. Dicapai pada November 6, 2010 dari <http://www.calidaddevida.uchile.cl/pdf/Process.pdf>
- Szalai, A. & Andrews, F.M. (1980). *The Qualiyl of life: Comparative studies.* USA: Sage Studies in International Sociology 20.
- Unit Perancang Ekonomi (1999). *Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999.* Jabatan Perdana Menteri. Dicapai pada Oktober 1, 2010 dari <http://202.75.7.57/New%20Folder/publication/mqli99/All.pdf>

Wan Rozali Wan Hussin (2002). Pertumbuhan Bandar dan Kualiti Hidup Sosial pada Abad Ke-21. Dalam Impak Pembangunan Kualiti Hidup dan Persekitaran. Disunting oleh LukmnZ. Muhamad, Abdul Aziz Jemain, Mohamad Yusof Hussain & Faridatul Azna A. Shahabuddin. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur.